



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 (35)

Tarikh : 14 Februari 2013

**Ketua Pengarang,
Sinar Harian,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ARTIKEL "LADANG SAWIT JADI PORT LALOK" MENGENAI
PENAGIHAN DADAH DI KAWASAN SUNGAI CHOH MELALUI AKHBAR SINAR
HARIAN RUANGAN FOKUS HULU SELANGOR PADA 14 FEBRUARI 2013.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada artikel yang diterbitkan dalam ruangan Fokus Hulu Selangor bertarikh 14 Februari 2013.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi artikel berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **Sinar Harian** dalam menerbitkan artikel berkenaan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut. Sehubungan itu AADK akan mengambil tindakan risikan dan siasatan bagi aduan yang disalurkan dan seterusnya akan mengadakan operasi bersepadu bersama pihak PDRM di lokasi yang dinyatakan dalam masa yang terdekat. Pihak AADK memohon agar orang awam tidak mengambil sebarang tindakan bersendirian kerana ia akan membahayakan keselamatan diri dan masyarakat. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Sinar Harian, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,


(MOHD AMIR KHUSAIRI HARUN)

b.p. **Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri**

- Sk:
- Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
 - Pengarah Pengesanan dan Pengawasan AADK
 - Pengarah AADK Selangor
 - Tn. Jayadalloh
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia,
50560 Bukit Aman, Kuala Lumpur.